

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 1(10)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 10 TAHUN 2014**

Tarikh : 26 November 2014 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.35 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Timbalan Yang Dipertua, MPSJ | - | Pengerusi
Mesyuarat |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 5. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | " |
| 6. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 7. | Encik Michael Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | " |
| 8. | Encik Sufari bin Tinnin | - | " |
| 9. | Puan Azizan binti Jamaludin | - | " |
| 10. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 11. | Puan Sazana binti Isa | - | " |

12.	Encik Loka Ng Sai Kai	-	"
13.	Encik Michael Noel Jalleh	-	"
14.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	-	"
15.	Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan	-	"
16.	Ir. Izham bin Hashim	-	"
17.	Puan Rozaina binti Hamzih	-	"
18.	Encik Wan Hock Leong	-	"
19.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
20.	Puan Norzaihan binti Ismail	-	"
21.	Encik Kamarudzaman bin Sanusi	-	"
22.	Encik Ban Shi Ron	-	"
23.	Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman	-	"
24.	Tuan Haji Mohd Yusop bin Haji Mohd Amin	-	"

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1.	Encik Chong Hoon Ming	-	Ahli Majlis
2.	Encik Yap Kok Weng	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
2. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
3. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Zahiruddin bin Hashim
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Pengarah, Jabatan Bangunan

14. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
15. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC
16. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
17. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
18. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
21. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
22. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
23. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
24. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
25. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
26. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
27. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan

28. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
29. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
30. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
31. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
32. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
33. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
34. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
37. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
40. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
41. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

42. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
44. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
47. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
48. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
49. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
50. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
51. Puan Diana binti Mohamad Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
52. Encik Mohd Shahrin bin Mohd Nasir
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

URUSETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

Tuan Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 10/2014. Tuan Pengerusi Mesyuarat turut mengalu-alukan kehadiran empat orang Ahli Majlis MPSJ yang baru dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 GREEN APPLE AWARDS 2014

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya mencipta satu lagi kejayaan dalam tahun 2014 dengan menerima satu anugerah berprestij di peringkat antarabangsa dalam **Green Apple Awards 2014** yang telah diadakan pada 10 November 2014 bertempat di House Of Parliament, London, United Kingdom. MPSJ telah berjaya memenangi **Anugerah Emas** bagi kategori Environmental Best Practice menerusi Projek Pusat Biomass, Bandar Bukit Puchong.

Penyertaan MPSJ dalam International Green Apple Awards 2014 ini telah membawa MPSJ maju setapak lagi ke hadapan dalam menyokong Perbandaran Hijau di peringkat antarabangsa dan kini MPSJ diumumkan sebagai salah satu organisasi yang memenangi Anugerah Emas dalam pertandingan tersebut.

MPSJ bertekad untuk terus meningkatkan usaha dan komitmen bagi memartabatkan penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih tinggi menerusi perkhidmatan yang mesra, cekap dan berintegriti sekaligus pada masa yang sama membina nama MPSJ sebagai sebuah PBT yang meneraju, inovatif dan berprestasi tinggi.

Majlis Perbandaran Subang Jaya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung khususnya kepada seluruh Warga Kerja MPSJ, Pegawai, Ketua-Ketua Jabatan serta Ahli Majlis MPSJ yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sehingga MPSJ berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang ini.

Pihak Majlis turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih terutamanya kepada Kerajaan Negeri Selangor di atas kepercayaan dan sokongan sehingga MPSJ berjaya mencapai prestasi yang cemerlang dan berprestij ini. Sehubungan itu, pihak Majlis sentiasa mengharapkan sokongan daripada semua pihak untuk MPSJ terus maju dan melakar lebih banyak kejayaan pada masa-masa akan datang.

2.2 ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM SELANGOR (AISAS) 2014

Majlis Perbandaran Subang Jaya turut melakar satu lagi kejayaan dalam tahun 2014 dengan mengungguli **Anugerah Inovasi Sektor Awam Selangor (AISAS) 2014** sempena Minggu Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor 2014. Majlis Anugerah AISAS 2014 ini telah diadakan pada 17 November 2014, bertempat di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS), Shah Alam.

Anugerah AISAS 2014 ini telah disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali.

MPSJ telah berjaya memenangi Anugerah AISAS 2014 ini menerusi Projek Integration Mobile MPSJ (IMMPSJ).

Kemenangan ini meneruskan pencapaian cemerlang yang diperolehi oleh MPSJ dalam tahun ini selepas pencapaian Penarafan 5 Bintang Pihak Berkuasa Tempatan, Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2014 dan Anugerah Emas Green Apple Awards 2014 sekaligus meletakkan MPSJ sebagai Pihak

Berkuasa Tempatan Cemerlang di Malaysia dan juga di Negeri Selangor.

Majlis Perbandaran Subang Jaya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung khususnya kepada seluruh Warga Kerja MPSJ, Pegawai, Ketua-Ketua Jabatan serta Ahli Majlis MPSJ yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sehingga MPSJ berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang ini.

2.3 ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2014

Sukacita dimaklumkan bahawa pada 11 November 2014, Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya menerima **Anugerah Bandar Mampan 2014** menerusi Program Pelaksana Pengukur Bandar Mampan (MURNInets) tahun 2014.

Kejayaan mengungguli Anugerah Bandar Mampan 2014 ini merupakan kejayaan MPSJ buat kali keempat berturut-turut.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah di atas pencapaian cemerlang MPSJ ini.

2.4 ANUGERAH MEDAN SELERA BERSIH, SELAMAT DAN SIHAT PERINGKAT KEBANGSAAN 2014

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya menjadi **Johan** dalam **Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat Dan Sihat 2014 Peringkat Negeri Selangor dan Peringkat Kebangsaan** anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Majlis anugerah ini telah diadakan pada 13 November 2014 bertempat di The Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur. MPSJ telah berjaya memenangi Anugerah Medan Selera Bersih,

Selamat Dan Sihat 2014 Peringkat Negeri Selangor dan Peringkat Kebangsaan menerusi Gerai Medan Selera Taman Tasik Puchong Perdana, Puchong.

Tujuan majlis anugerah ini diadakan adalah untuk meningkatkan tahap kebersihan gerai makanan di medan selera dan memberi pengiktirafan kepada pengusaha makanan di medan selera yang berjaya menguruskan dengan cemerlang aspek kebersihan dan keselamatan makanan di samping mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam aspek pengurusan dan kebersihan medan selera di PBT.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah di atas pencapaian cemerlang MPSJ ini.

2.5 PROGRAM GOTONG-ROYONG OPS MEGA TERJAH DAN MUSNAH AEDES NEGERI SELANGOR 2014 PERINGKAT MPSJ

Program Gotong-Royong Ops Mega Terjah Dan Musnah Aedes Negeri Selangor 2014 Peringkat MPSJ telah diadakan di kesemua 24 Zon JKP pada 16 November 2014 (Ahad). Majlis pelancaran telah diadakan di USJ 6/2B, Subang Jaya dan telah disempurnakan oleh Y.B. Tuan Ng Sze Han.

Seramai 1,312 orang telah menghadiri Program Ops Mega Terjah Dan Musnah Aedes Negeri Selangor 2014 Peringkat MPSJ tersebut yang telah diadakan serentak di seluruh kawasan pentadbiran MPSJ. Sebanyak 263 tempat pembiakan telah ditemui dan sebanyak 154 tan sampah telah dikutip dan dilupuskan.

2.6 PROGRAM SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA 2014 PERINGKAT MPSJ

Pelancaran Program Hari Tandas Sedunia Peringkat MPSJ 2014 yang diadakan dengan kerjasama Rotary Club Puchong Centennial telah diadakan pada 19 November 2014 (Rabu) di IOI Boulevard, Puchong Jaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Tuan Haji Abdullah bin Marjunid. Turut hadir pada majlis tersebut adalah wakil daripada World Toilet Organization, Ms. Amandine Brunet dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Kinrara) Y.B. Tuan Ng Sze Han.

Sebelum majlis pelancaran diadakan (iaitu pada 18 dan 19 November 2014), sebanyak 88 premis makanan di sekitar Jalan Kenari, Puchong Jaya telah diperiksa untuk melihat tahap kebersihan tandas dan premis perniagaan.

Sebanyak 20 premis makanan telah mendapat Gred A, 53 premis mendapat Gred B, 14 premis mendapat Gred C dan 1 premis makanan telah ditutup kerana tahap kebersihan yang tidak memuaskan.

Manakala daripada 88 premis makanan yang telah diperiksa, sebanyak 3 tandas premis telah mendapat 5 bintang, 17 tandas mendapat 4 Bintang, 51 tandas mendapat 3 bintang, 14 tandas mendapat 2 bintang, 2 tandas mendapat 1 bintang dan 1 tandas tidak layak mendapat bintang.

2.7 KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE KEBANGSAAN 2014

Sukacita dimaklumkan bahawa dua Pasukan KIK MPSJ telah terpilih ke Konvensyen Team Excellence Kebangsaan Tahun 2014 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang berlangsung pada 24 - 26 November 2014 bertempat di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC).

Pasukan yang akan mewakili MPSJ ialah Kumpulan EP (Jabatan Khidmat Pengurusan) yang akan mempertandingkan tajuk projek "*Pengurusan Permohonan Logistik Yang Kurang Efisien*" dan Kumpulan Novi Touch (Jabatan Bangunan) dengan

tajuk projek *“Tiada Sistem Pemantauan Yang Efektif Bagi Ubahsuai Rumah”*.

Kelayakan bagi penyertaan dalam Konvensyen Kecemerlangan Berpasukan Kebangsaan ini berikutan kemenangan Anugerah Emas yang telah diperolehi oleh pasukan MPSJ ini dalam Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah. Ia adalah acara tahunan di mana pemenang Anugerah Kecemerlangan Berpasukan Terbaik Keseluruhan akan diumumkan.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan MPSJ yang bertanding dalam Konvensyen Team Excellence Kebangsaan ini dan semoga projek yang dipertandingkan akan dapat memberi kejayaan yang lebih besar dan bermakna kepada MPSJ.

2.8 PERTANDINGAN PIALA KABBADI MPSJ 2014

Pertandingan ini merupakan julung-julung kali diadakan dan adalah menjadi hasrat dan harapan MPSJ untuk memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kabbadi merupakan salah satu permainan tradisional yang berasal dari Negara India yang turut dimainkan di negara kita. Menurut bahasa Hindi, perkataan Kabbadi bermaksud menahan nafas dan ianya juga merupakan sebahagian daripada elemen dalam permainan tersebut. Ia juga dikenali dengan nama Hadudu di kalangan orang Bangladesh.

Pertandingan Piala Kabbadi MPSJ 2014 ini diadakan dengan kerjasama bersama Persatuan Kabbadi Malaysia. Program ini akan diadakan pada 29 – 30 November 2014 (Sabtu dan Ahad) bermula pada jam 9.00 pagi – 10.00 malam bertempat di Stadium MPSJ, Serdang Jaya. Majlis perasmian akan disempurnakan oleh Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Tuan Haji Abdullah bin Marjunid.

Penaja bagi pertandingan ini adalah F & N Beverages Sdn. Bhd., Red Bull dan Gardenia. Sasaran penyertaan adalah seramai 30 pasukan (L/P).

2.9 KEJOHANAN CATUR TERBUKA PIALA YDP MPSJ 2014

Kejohanan Catur Terbuka Piala YDP MPSJ 2014 ini merupakan kejohanan kali ke-2 dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya. Kejohanan ini akan diadakan pada 20 Disember 2014 (Sabtu) bermula pada jam 9.00 pagi – 6.00 petang bertempat di Dewan Tuah, Kompleks 3C, MPSJ.

Kejohanan Catur ini merupakan aktiviti tahunan anjuran Kompleks 3C MPSJ dan akan diadakan pada setiap kali cuti persekolahan hujung tahun ekoran penyertaan yang sangat menggalakkan. Kejohanan ini diadakan dengan kerjasama Cerdik Catur Enterprise.

Sistem Pertandingan;

Masa : 20 atau 25 minit setiap pemain
Format : 6 atau 7 pusingan *Swiss System*
Masa Pemutus : i) *Solkoff (BH)*
ii) *Sonneborn-Berger*
iii) *Progressive Score*

Sasaran Penyertaan;

Sasaran penyertaan adalah seramai 240 orang peserta dan terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia.

2.10 LAPORAN DEMAM DENGGI

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 46 (iaitu sehingga 15 November 2014) adalah sebanyak 7022 kes denggi dilaporkan dan sebanyak 6666 kes disahkan positif di kawasan MPSJ.

Terdapat tiga belas (13) kawasan 'hotspots' di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu;

Lokaliti 'HOTSPOTS' MPSJ		JUMLAH KES
1.	BATU 13, KAMPUNG SRI AMAN (LORONG BESTARI)	25
2.	TAMAN EQUINE (PUTRA PERMAI APARTMENT)	23
3.	PUSAT BANDAR PUCHONG (JALAN WAWASAN 2)	23
4.	KOTA PERDANA KP 4 (MAWAR JAYA)	20
5.	USJ 2/5, SUBANG JAYA	19
6.	BANDAR KINRARA 1	18
7.	USJ 6/2, SUBANG JAYA	17
8.	TAMAN PUCHONG PERDANA (JALAN MAWAR)	15
9.	BANDAR KINRARA BK 6F (PANGSAPURI ENGGANG)	13
10.	USJ 6/5, USJ 6/6 & USJ 6/7 (TERES)	11
11.	BANDAR KINRARA 4 (JALAN BK 4/1 & SEBAHAGIAN 4/2 - 4/4)	10
12.	TAMAN PUCHONG PRIMA 2	8
13.	TAMAN SERDANG PERDANA 5 (RUMAH KEDAI)	8

Memandangkan musim cuti persekolahan telah bermula, pihak pengurusan sekolah diminta agar memastikan tiada tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam kawasan sekolah.

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat

pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

Peringatan Mesra Kerajaan Negeri Selangor

“Wabak denggi semakin serius dan meningkat. Musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan menghapuskan tempat menampung air di tempat kediaman dan tempat kerja. Jagalah kebersihan setiap hari, setiap masa, di mana jua”.

2.11 PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN TAHUN 2015

Semua pihak yang menjalankan perniagaan dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dikehendaki memperbaharui lesen perniagaan dan iklan bagi tahun 2015 sebelum atau selewat-lewatnya pada 31 Disember 2014.

Pembaharuan lesen perniagaan dan iklan boleh dilakukan di lokasi seperti berikut:

Bil	Lokasi	Tarikh	Masa Operasi
i.	Kaunter Perkhidmatan Ibu Pejabat MPSJ	3 NOV 2014 – 31 DIS 2014	8.00 pagi – 5.00 petang
ii.	Pejabat-Pejabat Cawangan MPSJ: <ul style="list-style-type: none">• Bandar Puteri, Puchong.• Stadium MPSJ Serdang Jaya.	1 DIS 2014 – 31 DIS 2014	9.00 pagi – 5.00 petang

iii.	Memperbaharui Lesen Perniagaan Tanpa Risiko Menggunakan Mesin Lesen Ekspres yang ditempatkan di Aras 1, Ibu Pejabat MPSJ	3 NOV 2014 – 31 DIS 2014	8.00 pagi – 5.00 petang
iv.	Pembaharuan Secara Online Bagi Lesen Perniagaan Tanpa Risiko Untuk Ahli My@MPSJ sahaja.	3 NOV 2014 – 31 DIS 2014	-

Para pelanggan dikehendaki membawa saiz keluasan premis dan lesen 2014 semasa membuat pembaharuan lesen serta menjelaskan semua Notis Tawaran Kompaun (NTK) yang tertunggak.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 09/2014 BERTARIKH 28 OKTOBER 2014.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 09/2014 bertarikh 28 Oktober 2014 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 18/2014 Bertarikh 05 November 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Chia Yew Ken	Dasar Majlis Berhubung Isu Runtuh Dan Bina Semula Rumah Di Kawasan Perumahan	Beliau memohon supaya isu berkenaan perkara ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh pihak Majlis. Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya pihak Majlis membuat satu dasar dan garis panduan berhubung perkara ini bagi memudahkan pihak Majlis untuk membuat pemantauan ke atas perkara ini.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Bangunan untuk membuat kajian dan penambahbaikan terhadap garis panduan sedia ada berhubung perkara ini untuk dijadikan dasar Majlis.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

**4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil. 19/2014 Bertarikh 19 November 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

**4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan
Korporat Bil. 09/2014 Bertarikh 04 November 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 2.1.8 m.s 3	En. Mohan Singh A/L Surtar Singh	Pengurusan Aduan di Jabatan Pengurusan Alam Sekitar	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis membuat kajian dan memikirkan mekanisma penyelesaian aduan yang lebih berkesan berhubung jumlah penerimaan aduan di Jabatan Pengurusan Alam Sekitar yang merekodkan jumlah yang tinggi pada setiap bulan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi Mesyuarat meminta supaya Jabatan Pengurusan Alam Sekitar untuk menganalisa permasalahan aduan yang diterima dan mencari mekanisma penyelesaian aduan yang lebih berkesan dalam menangani isu ini. Pihak Jabatan juga perlu merangka strategi dan memikirkan kaedah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang dalam menangani permasalahan aduan yang diterima.</p>

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 09/2014 Bertarikh 13 November 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.1 m.s 6	En. Loka Ng Sai Kai	“Ops Tampil”	<p>Beliau memohon penjelasan daripada pihak Majlis berhubung “Ops Tampil” yang pelaksanaannya dikatakan kurang berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada permasalahan yang berlaku semasa pelaksanaan “Ops Tampil” dijalankan.</p> <p>Antaranya ialah masalah struktur jalan, kegagalan pihak kontraktor serta keadaan cuaca yang tidak menentu dan musim hujan pada ketika ini.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, maklumbalas lanjut berhubung perkara ini</p>

				<p>akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</p> <p>Pihak Jabatan juga akan menyediakan Kertas Mesyuarat berhubung perkara ini untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Tender MPSJ yang akan datang.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi Mesyuarat meminta supaya Jabatan Kejuruteraan membuat kajian secara menyeluruh mengenai aspek teknikal berhubung perkara ini dan mencari mekanisma yang sesuai dalam menangani permasalahan yang berlaku.</p> <p>Pihak Jabatan seterusnya diminta untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini dan memberikan keutamaan untuk menyelesaikan isu ini dengan segera.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 09/2014 Bertarikh 14 November 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 08/2014 Bertarikh 14 November 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 09/2014 Bertarikh 17 November 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.7 m.s 7	Pn. Norzaihan binti Ismail	Pembinaan Gerai-Gerai Haram	<u>Pindaan Minit :</u> Beliau memaklumkan terdapat pindaan minit berkenaan perkara ini.

				<p>Beliau memaklumkan lokasi sebenar penggerai-penggerai haram adalah di 'Taman Sri Puchong' bukannya 'Kampung Sri Puchong' seperti yang dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi Mesyuarat meminta Jabatan Pengurusan Alam Sekitar mengambil maklum mengenai perkara ini dan membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat.</p>
2	para 5.6.1 m.s 19	En. Stephen Chin Sou Bong	Penurapan Jalan	<p><u>Pindaan Minit :</u></p> <p>Beliau memaklumkan terdapat pindaan minit berkenaan perkara ini.</p> <p>Beliau memaklumkan lokasi sebenar yang dimaksudkan ialah di 'Jalan BPU 1 – 5, Bandar Puchong Utama' bukannya 'Taman Puchong Utama 1 - 5' seperti yang dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi Mesyuarat meminta Jabatan Pengurusan Alam Sekitar mengambil maklum mengenai perkara ini dan membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat.</p>
3	para 3.7 m.s 7	En. Mohan Singh A/L Surtar Singh	Pembinaan Gerai-Gerai Haram	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula tindakan berhubung 5 kompaun yang telah dikeluarkan kepada penggerai-penggerai haram di Taman Sri Puchong memandangkan proses rundingan dan perbincangan berkenaan isu ini sedang dijalankan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi Mesyuarat meminta supaya pihak Jabatan yang terlibat mengadakan perbincangan lanjut berhubung perkara ini dengan pihak-pihak yang terlibat serta Ahli Majlis kawasan.</p> <p>Sehubungan itu, pihak Jabatan diminta untuk mengambil maklum berhubung isu-isu yang masih dalam peringkat rundingan</p>

				dan perbincangan, supaya pihak Jabatan berhati-hati dalam mengambil tindakan yang boleh menjejaskan rundingan dan perbincangan yang sedang dijalankan.
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 09/2014 Bertarikh 18 November 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.4 m.s 6	Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali	Pewartaan Tempat-Tempat Perhimpunan Awam Dibawah Akta Perhimpunan Awam 2012 (Akta 736)	Beliau memaklumkan bahawa pihak Majlis perlu memutuskan beberapa lokasi yang telah dicadangkan untuk dijadikan sebagai tempat-tempat perhimpunan awam ke dalam senarai pewartaan Majlis Perbandaran Subang Jaya di bawah Akta Perhimpunan Awam 2012 (Akta 736) memandangkan maklumat berhubung perkara ini perlu

				<p>dihantar kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) dengan kadar segera.</p> <p>Perkara ini telah dirujuk dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 38/2013 bertarikh 12 Disember 2013 dan telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 39/2013 yang telah menimbang dan meluluskan cadangan permohonan tersebut dengan tambahan seperti berikut:</p> <p>“Semua PBT diminta mendapatkan kelulusan di peringkat PBT terlebih dahulu melalui Mesyuarat Penuh Majlis sebelum diangkat untuk kelulusan Kerajaan Negeri”.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya perkara ini dapat diputuskan di dalam</p>
--	--	--	--	---

				<p>Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10/2014 bertarikh 26 November 2014.</p> <p><u>Keputusan:</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10/2014 bertarikh 26 November 2014 telah bersetuju untuk memilih lokasi-lokasi berikut sebagai tempat-tempat perhimpunan awam dalam senarai pewartaan Majlis Perbandaran Subang Jaya di bawah Akta Perhimpunan Awam 2012 (Akta 736).</p> <p>Senarai lokasi yang dipersetujui adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">i. Padang Awam Puchong Indah, Puchongii. Stadium Mini SS13, Subang Jayaiii. Padang Awam BK3, Bandar Kinraraiv. Padang Awam Jalan Indah 1, Taman Universiti Indah, Seri Kembangan
--	--	--	--	--

				<p>v. Laman Sukan USJ 1, Subang Jaya</p> <p>vi. Padang Awam, PJS 9/14, Bandar Sunway</p> <p>vii. Padang Awam, PJS 7/13, Bandar Sunway</p> <p>Sehubungan itu, Tuan Pengerusi Mesyuarat turut memaklumkan bahawa pihak Majlis bersedia untuk mempertimbangkan cadangan lokasi tambahan untuk dijadikan sebagai tempat-tempat perhimpunan awam ke dalam senarai pewartaan Majlis Perbandaran Subang Jaya di bawah Akta Perhimpunan Awam 2012 (Akta 736) di masa-masa yang akan datang mengikut kesesuaian lokasi yang dicadangkan.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 09/2014 Bertarikh 18 November 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

5.0 KERTAS MESYUARAT SENARAI TERKINI KEAHLIAN AHLI MAJLIS DALAM JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI PENGGAL 2014 – 2015 (Kertas Mesyuarat Bil. 04/10/2014)

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Senarai Terkini Keahlian Ahli Majlis Dalam Jawatankuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Penggal 2014 – 2015.

Senarai Keahlian Ahli Majlis dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2014 – 2015 adalah seperti di lampiran 1.

Senarai penyusunan Ahli Majlis sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2014 – 2015 adalah seperti di lampiran 2.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

6.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 6.1** Tuan Pengerusi Mesyuarat mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.35 pagi.

‘MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI’

Disediakan oleh;

.....
(HAJI MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI, A.M.N.)
Setiausaha Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID, S.I.S., A.M.S.)
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA